

D382

B 8887 AAB
MAHATHIR R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYELAR ASIAN WALL STREET JOURNAL KERANA MAKALAHNYA YANG MENDAKWA +PEMBABITAN+ MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDIN DALAM PEMBELIAN SAHAM UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION (UMBC).

+SAYA MEMBACA MAKALAH ITU DAN NAMPAKNYA IA MERUPAKAN PERCUBAAN SENGAJA UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN NAMA MALAYSIA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT ASTAKA MUSABAQAH MEMBACA QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

BELIAU BERKATA MAKALAH ITU TIDAK BENAR DAN MEMANG MENJADI AMALAN ASIAN WALL STREET JOURNAL +TIDAK PERNAH MENULIS FAKTA DENGAN BETUL,+ KATA BELIAU.

-- LAGI.

2313MST 22 05 86

D388

B 8888 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR
(I)

DITANYA SAMA ADA PERCUBAAN ITU JUGA DITUJUKAN TERHADAPNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +TENTUNYA KAMU TIDAK BOLEH MENGHENTAM KABINET SAYA TANPA TURUT MENGHENTAM SAYA. SAYA BERADA DALAM BARISAN YANG DIHENTAM.+

HARIAN ITU DALAM KELUARAN 30 APRIL MENDAKWA BAHAWA ENCIK DAIM TELAH MENCAMPUR-ADUKKAN TUGAS AWAMNYA DENGAN KEPENTINGAN PERNIAGAAN SWASTA, DAN IA KHUSUSNYA MENYENTUH PERKARA ENCIK DAIM MENDAPATKAN SAHAM YANG BESAR DALAM UMBC SEMINGGU SEBELUM PERLANTIKANNYA KE DALAM KABINET DALAM 1984.

AKHBAR ITU JUGA MENDAKWA BAHAWA PADA PERTENGAHAN 1985 SYARIKAT-SYARIKAT KELUARGA ENCIK DAIM MENGUASAI MAJORITI SAHAM BANK ITU.

MENGENAI KELULUSAN KABINET TERHADAP URUSNIAGA UMBC ITU DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JIKA URUSAN ITU DIBUAT SEBELUM ENCIK DAIM MENJADI MENTERI KEWANGAN MUNGKIN BELIAU TELAH MELULUSKANNYA, TETAPI OLEH KERANA SELEPAS ITU, MAKA IANYA DILULUSKAN OLEH KABINET.

MENGENAI LAPORAN AKHBAR ITU, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH JELAS IANYA DITUJUKAN TERHADAP MALAYSIA DAN KERAJAAN. -- LAGI.
2345MST 22 05 86

D389

R 8889 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R R R
(I)

DITANYA APAKAH TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL BERHUBUNG DENGAN MAKALAH ITU, BELIAU MENJAWAB: +APA YANG BOLEH SAYA BUAT? MEREKA MEMPUNYAI HAK MENERBIT, SAYA JANGKA UNTUK MENERBITKAN HAL YANG DUSTA.+

KETIKA DIMINTA MENGULAS BAHAGIAN MAKALAH YANG DIANGGAP TIDAK BETUL, BELIAU BERKATA: +JIKA IA TIDAK BETUL, TENTULAH IANYA DUSTA.+

MENGENAI DAKWAAN MAKALAH ITU BAHAWA TIDAK DIKETAHUI SIAPA SEBENARNYA MELULUSKAN URUSAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SAYA YAKIN JIKA MEREKA (AKHBAR BERKENAAN) TAHU BEGITU BANYAK, MEREKA TENTUNYA TAHU SEGALA-GALANYA TETAPI HAKIKAT YANG DAPAT MENJELASKAN GAMBARAN ITU TIDAK TURUT DITULIS.

+PENDUSTAAN BOLEH DILAKUKAN DENGAN TIDAK MENULISNYA.+ -- BERNAMA.
2357MST 22 05 86